

12/07/1999

Pas ulangi pendirian lelong Putrajaya

KUALA LUMPUR, Ahad - Pas mengulangi pendirian parti itu untuk melelong kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya, sekiranya pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Datuk Fadzil Nor, yang menafikan laporan mengatakan Pas akan menjual seluruh kompleks pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya berkata, kediaman itu akan dilelong kepada warga tempatan dan jika tidak ada, boleh dibeli rakyat asing.

"Pas juga akan memastikan tidak ada pemimpin atau Perdana Menteri daripada barisan alternatif menduduki kediaman itu jika kita memenangi pilihan raya.

"Kita tidak mahu pemerintah tinggal dalam mahligai berasingan dan berjauhan daripada rakyat kerana ketika berkempen kita sanggup turun ke bawah bersama mereka, termasuk ke kampung Orang Asli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Pemuda Malaysia yang dianjurkan Lajnah Perhubungan Nasional Dewan Pemuda Pas, di sini hari ini.

Konvensyen bertemakan Pemuda Pemimpin Perubahan sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum itu, turut dihadiri Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar serta kepimpinan pemuda KeADILan, DAP dan PRM.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam dilaporkan menyindir Pas kerana cadangannya mahu melelong bangunan kerajaan di Putrajaya jika dipilih memegang tampuk pemerintahan negara.

Pas sebelum ini dilaporkan akan melelong Putrajaya kepada raja-raja yang terkaya di seluruh dunia jika menang dalam pilihan raya akan datang.

(END)